

PRU-13: BN yakin kekal berkuasa di Putrajaya - Najib
Utusan Online
03 May, 2013

PUTRAJAYA 3 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak yakin Barisan Nasional (BN) akan kekal berkuasa di Putrajaya dengan memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) Ahad ini berikutan penerimaan rakyat di seluruh negara.

"Saya boleh melaporkan kepada tuan, puan, setelah berjalan di seluruh pelusuk negara, (saya dapati) rakyat Malaysia masih menerima BN.

"Justeru dengan izin Allah pada malam 5 Mei ini, BN akan kembali berkuasa di Putrajaya," kata Perdana Menteri ketika berucap pada majlis 'PM Bersarapan Bersama Penduduk' di Dengkil Centre Point, dekat sini hari ini.

Ucapan beliau itu disambut dengan tepukan gemuruh ribuan hadirin yang membanjiri perkarangan kawasan itu sejak awal pagi.

Turut hadir ialah calon-calon BN bagi kerusi Parlimen Sepang, Datuk Seri Ir. Mohd. Zin Mohamed; kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil, Shahrudin Mohd. Shariff; DUN Tanjung Sepat, Nisman Yusof; dan DUN Sungai Pelek, Ng Chok Sin. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130503/px_60/PRU-13-BN-yakin-kekal-berkuasa-di-Putrajaya---Najib#ixzz2Znlg7YAK